



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK SURVEI GAJI & UPAH, MALAYSIA, 2024

Purata gaji & upah bulanan meningkat sebanyak 6.1 peratus kepada RM3,652 pada 2024

PUTRAJAYA, 29 September 2025 – Pada tahun 2024, purata gaji & upah meningkat sebanyak 6.1 peratus kepada RM3,652 pada 2024, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam kenyataan penerbitan **Laporan Survei Gaji & Upah, Malaysia, 2024**. Statistik ini disusun melalui Survei Gaji & Upah yang dilaksanakan oleh DOSM menggunakan pendekatan isi rumah. Survei ini bertujuan mengukur gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji sepenuh masa atau yang setaraf, merangkumi sektor awam dan swasta, berdasarkan pekerjaan utama mereka. Daripada jumlah keseluruhan 15.81 juta penduduk bekerja pada tahun 2024, seramai 10.24 juta adalah pekerja bergaji sepenuh masa dalam kalangan warganegara Malaysia, termasuk mereka yang bekerja dalam sektor informal.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Bilangan penerima gaji & upah bagi semua sektor ekonomi menunjukkan trend positif pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ekonomi yang berterusan serta pelaksanaan dasar negara yang berkesan telah menstabilkan pasaran buruh Malaysia, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang kukuh sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2024. Susulan persekitaran ekonomi yang positif serta kedudukan pasaran buruh yang menggalakkan, penengah gaji & upah bulanan warganegara Malaysia meningkat kepada RM2,793, naik daripada RM2,602 pada tahun 2023, manakala purata gaji & upah bulanan meningkat kepada RM3,652 berbanding RM3,441 pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan pelbagai inisiatif pemerikasaan ekonomi telah berjaya meningkatkan kualiti hidup tenaga kerja di Malaysia."

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai pemacu utama ekonomi negara yang terus menyumbang secara signifikan kepada KDNK serta pertumbuhan guna tenaga pada tahun 2024. Seiring dengan perkembangan ini, purata gaji & upah bulanan

bagi sektor Pembuatan mencatat peningkatan purata gaji & upah bulanan tertinggi, iaitu sebanyak 7.4 peratus kepada RM3,278. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM3,831, dipacu oleh prestasi kukuh dalam subsektor Pendidikan, Maklumat dan komunikasi, serta Aktiviti kesihatan dan kerja sosial. Sektor Perlombongan dan pengkuarian kekal merekodkan purata gaji & upah bulanan tertinggi pada paras RM5,904, manakala sektor Pembinaan dan Pertanian masing-masing mencatatkan RM3,035 dan RM2,409.

Mengulas dengan lebih lanjut mengenai gaji & upah pekerja mengikut tahap kemahiran, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa purata gaji & upah bulanan bagi pekerja mahir meningkat sebanyak 6.5 peratus, bertambah sebanyak RM340, berbanding 7.5 peratus pada tahun 2023. Dalam kalangan kategori mahir, Pengurus kekal mencatat purata gaji & upah bulanan tertinggi dengan pertumbuhan 7.2 peratus (2023: 5.1%), diikuti oleh Profesional sebanyak 6.3 peratus, serta Juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 5.8 peratus. Bagi pekerja separuh mahir, purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan yang lebih sederhana iaitu 5.2 peratus (2023: 6.0%). Ini disumbang oleh kumpulan Pekerja sokongan perkeranian sebanyak RM2,931, diikuti Pekerja perkhidmatan & jualan sebanyak RM2,561, Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan sebanyak RM2,510 dan Operator loji dan mesin serta pemasang sebanyak RM2,404. Sementara itu, purata gaji & upah bulanan bagi kategori berkemahiran rendah naik sebanyak 7.4 peratus kepada RM2,128, berbanding RM1,982 yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Pada tahun 2024, lelaki merekodkan purata gaji & upah bulanan yang lebih tinggi, iaitu RM3,759, berbanding RM3,499 bagi wanita. Pada masa yang sama, purata gaji & upah bulanan bagi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2023. Kawasan bandar merekodkan purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,796 dan kawasan luar bandar sebanyak RM2,847. Purata gaji & upah bulanan di kawasan bandar mencatatkan pertumbuhan 6.1 peratus (2023: RM3,580; +6.7%), manakala luar bandar meningkat 9.2 peratus (2023: RM2,608; +9.9%). Di peringkat negeri, W.P. Putrajaya merekodkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,091. Empat lagi negeri turut melepasi purata nasional sebanyak RM3,652, iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM4,782), Selangor (RM4,052), W.P. Labuan (RM3,812) dan Pulau Pinang (RM3,787).

Seiring dengan pengukuhan ekonomi negara, purata gaji & upah nominal meningkat sebanyak 6.1 peratus kepada RM3,652. Bagi menilai kuasa beli sebenar dan daya ketahanan upah, gaji & upah sebenar di analisis dengan mengambil kira pelarasan inflasi. Hasil analisis menunjukkan purata gaji & upah sebenar bulanan bagi warganegara Malaysia meningkat sebanyak 4.2 peratus, iaitu daripada RM2,639 kepada RM2,750, dengan jurang purata gaji & upah sebenar berbanding nominal semakin melebar, meningkat daripada RM802 kepada RM902 pada tahun 2024. Tujuh negeri merekodkan purata gaji & upah sebenar melebihi paras purata nasional sebanyak RM2,750.

Merumuskan secara keseluruhan keadaan gaji & upah pada tahun 2024, pertumbuhan positif ini didorong oleh pelbagai faktor yang mengukuhkan aktiviti ekonomi negara. Antaranya termasuk kestabilan ekonomi dan sosial, permintaan domestik yang berdaya tahan, serta pemulihan perdagangan antarabangsa yang menyokong pertumbuhan perniagaan dan pelaburan. Dalam konteks ini, sektor pelancongan, sama ada antarabangsa mahupun domestik, turut memainkan peranan penting sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Aktiviti pelancongan yang rancak telah memperkukuh industri berkaitan seperti peruncitan, termasuk perusahaan kecil, penginapan, makanan dan minuman, serta pengangkutan. Selain itu, pengukuhan pasaran buruh melalui pertambahan guna tenaga, khususnya dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, serta industri logistik dan teknologi, turut menyumbang kepada momentum positif yang mendorong peningkatan penengah dan purata gaji & upah bulanan warganegara Malaysia.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Penengah Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011-2024



Nota: Bermula tahun 2020, Statistik Gaji & Upah dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 2: Purata Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011-2024




Nota: Bermula tahun 2020, Statistik Gaji & Upah dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020


Paparan 1: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan Mengikut Sektor, Malaysia, 2023 dan 2024



Paparan 2: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan Mengikut Negeri, Malaysia, 2024




Carta 3: Penengah Gaji & Upah Benar Bulanan Warganegara, Malaysia, 2011-2024



Nota: Bermula tahun 2020, Statistik Gaji & Upah dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Carta 4: Purata Gaji & Upah Benar Bulanan Warganegara, Malaysia, 2011-2024



Nota: Bermula tahun 2020, Statistik Gaji & Upah dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 SEPTEMBER 2025